



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
(Ministry of Science, Technology and  
Innovation)  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800, Dengkil, Selangor**



5 Ogos 2020  
Notis Pemberitahuan AELB  
Bil. 1/2020

**FI PEPERIKSAAN PENSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN DAN FI  
PERMOHONAN KELULUSAN IMPORT/EKSPORT DI BAWAH AKTA  
PERLESENAN TENAGA ATOM [AKTA 304]**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pihak industri dan pemegang lesen mengenai **fi peperiksaan pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran** dan **fi permohonan kelulusan import/eksport** di bawah Akta 304 adalah **tidak dikenakan untuk suatu tempoh** bagi menghadapi kesan ekonomi susulan penularan wabak Covid-19.

**LATAR BELAKANG**

2. Susulan dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 berhubung dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) terus komited untuk memberikan kemudahan berkaitan aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan bagi tujuan memfasilitasi pihak industri dan pemegang lesen dalam menghadapi cabaran ekonomi sepanjang tempoh PKPP ini.

3. Kemudahan yang diberikan oleh AELB ini telah dihebahkan melalui kenyataan umum bertarikh 11 Jun 2020 yang lalu.

4. Selain itu, AELB juga akan terus mengkaji dari semasa ke semasa sekiranya masih terdapat tawaran dan kemudahan lain yang boleh dipertimbangkan untuk

meringankan beban pihak industri dan pemegang lesen sepanjang tempoh PKPP dikuatkuasakan.

## **KEPUTUSAN AELB**

5. Sebagai usaha berterusan bagi meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam meningkatkan sektor ekonomi yang melibatkan aktiviti tenaga atom pasca PKPB dan sepanjang tempoh PKPP, maka AELB telah memutuskan untuk **TIDAK MENGENAKAN**:-

- (i) **Fi peperiksaan pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS);** dan
- (ii) **Fi bagi setiap permohonan kelulusan import/eksport.** Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih tertakluk kepada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan (*service provider*).

## **PENGUATKUASAAN KEPUTUSAN**

6. Notis Pemberitahuan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2020** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

## **PENUTUP**

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:-

Unit Komunikasi Korporat  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor  
No. Tel : +603-89225888  
No. Faks : +603-89223685  
E-mel : [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my)  
Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)